

PETIKAN TITAH

"KEPADA seluruh rakyat dan penduduk, termasuk semua peringkat dalam Perkhidmatan Awam kerajaan, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta, beta tidak lupa merakamkan penghargaan di atas

**MANISNYA IMAN**

"DARI Ibnu Abbas Radiallahuanhu, dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda: Sesiapa bencikan sesuatu daripada ketuannya maka hendaklah ia bersabar, kerana sesiapa yang tidak mentaati perintah Sultan walaupun

Rabu

13 Julai 2005

6 Jamadilakhir 1426
Tahun 50 Bilangan 28[Berita Utama](#)[Berita Ringkas](#)[Haluan](#)[Dari Sidang Pengarang](#)[Melirik Masa Silam](#)[Kan Halnya](#)[Fokus](#)[Suara Dari Mimbar](#)[Menuju Keredaan Allah](#)[Teropong Pelita](#)[Bicara IT](#)[Minda Pembaca](#)[Remaja](#)[Menjana Kesihatan](#)[Biskita](#)[Arena Sukan](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Kerja](#)[Arkib](#)**TAHUKAH AWDA?**

NEGARA Brunei Darussalam ditempatkan di tangga keempat selepas Australia, Jepun dan Republik Singapura bagi peringkat Asia dan di tangga ke-33 bagi peringkat dunia di dalam pencapaian dari segi Indeks Pembangunan Manusia (Human Development Index - HDI). Penilaian HDI mengambil kira tahap pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan jangka hayat serta kadar literasi. Kadar literasi di kalangan mereka yang berumur 15 hingga 24 tahun di negara ini adalah setanding dengan negara maju. - Sumber: Teks ucapan Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB (MAP-PGGMB) Kali Ke-55/ 2004 - 2005, 8 Julai 2005 di Bangunan PGGMB, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan (2005 : 5).

Pelita Brunei Online

HALUAN

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Perasmian Bangunan Baru Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam dan Kompleks Pengakap pada hari Ahad, 29 Jamadilakhir 1426/3 Julai 2005.

MELAHIRKAN PEMIMPIN YANG BAIK

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur serta gembira kerana dapat hadir dalam majlis yang penuh bersukut ini.

Tidaklah salah jika dikatakan bahawa Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) adalah sebuah pergerakan yang tua. Usianya telah menjangkau usia lebih 70 tahun dan dalam usia yang sematang ini tentu saja ia mempunyai sejarah dan pengalaman-pengalaman yang tersendiri.

Di antaranya sebagaimana beta difahamkan, dalam masa ia awal-awal ditubuhkan pada tahun pada tahun 1933, keahliannya cuma 12 orang sahaja. Cubalah bayangkan, apakah yang boleh dibuat oleh ahli seramai ini?

Tetapi persekutuan ini ternyata hebat apabila ia berjaya meneruskan kelangsungannya dari sebuah kumpulan amat kecil kepada kumpulan yang lebih besar. Malah dalam Pelan Strategik Kebangsaannya, terdapat sasaran untuk meningkatkan keahlian sehingga kepada 10,000 orang dalam tahun 2013.

Apakah faktor yang membolehkannya berdiri teguh demikian rupa?

Pada hemat beta, ia adalah bertolak daripada faktor kepimpinan, di mana di peringkat awalnya ia telah dipimpin oleh kalangan guru iaitu suatu golongan yang memang terkenal unggul. Beta percaya, dari kepimpinan guru-guru inilah, PPNBD telah berjaya menciptakan masa depannya yang membanggakan.

Beta berharap, kepimpinan yang baik dan berjaya ini akan terus disambung oleh sesiapa juga yang memegang teraju kepimpinan.

Kita berbangga bahawa PPNBD telah bergerak dengan aktifnya di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Di peringkat kebangsaan ia turut membantu banyak pihak yang memerlukan bantuan, seperti mangsa-mangsa kebakaran dan lain-lain musibah termasuk mangsa Tsunami yang sangat menyayat hati itu.

Di peringkat global pula, ia turut giat menyertai persidangan-persidangan serantau dan antarabangsa, sejajar dengan kedudukannya selaku ahli penuh kepada Pertubuhan Pengakap Sedunia sejak tahun 1981 lagi. Ia tidak syak lagi turut mencipta imej baik bagi negara.

Beta penuh yakin, PPNBD mampu untuk menjadi wadah bagi melahirkan pemimpin-pemimpin yang baik disebabkan asasnyanya yang kukuh dan kuat serta terbaik.

Bukankah Persekutuan Pengakap itu ada menyediakan latihan-latihan, khasnya bagi kanak-kanak sekolah dan belia-belie? Latihan-latihan yang diberikan tentu saja menitikberatkan pembentukan sahsiah dan disiplin, supaya mereka itu menjadi generasi yang benar-benar mewakili zamannya.

Negara memang berhajatkan pemimpin-pemimpin yang 'berwatak besar' yang mampu membawa perubahan kepada masyarakatnya. Tanpa sifat ini, seseorang pemimpin itu masih di tahap minima.

Beta gembira, kerana persekutuan ini telah mempunyai bangunannya sendiri. Dengan adanya bangunan tersebut, kegiatan persekutuan ini akan lebih menyerlah lagi hendaknya.

Beta yakin, semangat para pengasasnya dari kumpulan 12 dahulu akan terus hidup dan menyala di dalam sanubari para pemimpinnya hari ini, supaya dengan itu, persekutuan ini akan lebih berupaya lagi untuk mengharungi zaman dan cabaran.

Dengan memuji dan menyucikan Allah serta dengan nama-Nya yang amat indah : Bismillahir Rahmanir Rahim, beta rasmikan bangunan baru Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam dan Kompleks Pengakap.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

